

SOALAN NO. 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH [SANDAKAN]
TARIKH : 8 NOVEMBER 2017

SOALAN :

YB Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta PERDANA MENTERI menyatakan rancangan Kerajaan terhadap penurunan kuasa dari Kerajaan Persekutuan ke Kerajaan Negeri Sabah serta Sarawak. Apakah impak dari segi kewangan bagi Kerajaan Persekutuan dalam pelaksanaan penurunan kuasa.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Ogos 2015 di Kuching, Sarawak telah mengumumkan bahawa lebih banyak kuasa pentadbiran yang membabitkan jabatan dan agensi persekutuan bakal diserahkan kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak dalam usaha merangsangkan pembangunan di kedua-dua Negeri ini. Seterusnya, perincian utama *empowerment* kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak tersebut telah diumumkan oleh Perdana Menteri pada 16 September 2015 iaitu yang melibatkan penurunan kuasa secara pentadbiran dan berperingkat kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak.

Pelaksanaan *empowerment* secara pentadbiran dan berperingkat tersebut adalah berdasarkan kepada ketetapan-ketetapan yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang Negara. *Empowerment* secara pentadbiran ini akan tertumpu kepada fungsi-fungsi operasi dan pentadbiran

Dalam hal ini, Jawatankuasa Bersama Mengkaji *Empowerment* Secara Pentadbiran Kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak (JBMES) telah ditubuhkan oleh Kerajaan bagi mengkaji perkara yang boleh dan akan

101
diberikan *empowerment* secara pentadbiran kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak.

Selain pelaksanaan penurunan kuasa kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak tersebut, pada 11 Mei 2016 Jemaah Menteri telah bersetuju supaya pelaksanaan *devolution of authority* kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak dilaksanakan berpandukan kepada hak-hak serta kuasa autonomi yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan kepada Negeri-Negeri itu dan bersetuju supaya YB Dato' Sri Anifah bin Aman, Menteri Luar Negeri dan YB Dato' Sri Hajah Nancy binti Haji Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri bersama-sama dengan Jabatan Peguam Negara, meneliti semua hak serta kuasa autonomi yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan kepada Sabah dan Sarawak termasuk dari segi peraturan-peraturan sedia ada dalam pelaksanaan *devolution of authority* kepada Sabah dan Sarawak.

Susulan daripada keputusan Jemaah Menteri itu, Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal telah dibentuk yang dianggotai oleh wakil Kerajaan Negeri Sabah, wakil Kerajaan Negeri Sarawak dan wakil Kerajaan Persekutuan.

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pelaksanaan *Devolution of Authority* kepada Sabah dan Sarawak antara wakil Kerajaan Negeri Sabah, wakil Kerajaan Negeri Sarawak dan wakil Kerajaan Persekutuan yang dipengerusikan oleh Peguam Negara Malaysia telah diadakan sebanyak 3 kali iaitu pada 10 Ogos 2016, 27 September 2016 dan 1 Disember 2016.

Seterusnya, perkara yang dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal tersebut telah pun dibawa untuk pertimbangan lanjut di peringkat Jawatankuasa Pemandu. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan *Devolution of Authority* kepada Sabah dan Sarawak telah diadakan pada 25 Julai 2017 dan dipengerusikan secara bersama oleh Yang Berhormat Dato' Sri Anifah bin Aman, Menteri Luar Negeri dan Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy binti Haji Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu tersebut turut dihadiri oleh Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan daripada Negeri Sabah dan Negeri Sarawak.

Proses pelaksanaan *devolution of authority* ini merupakan suatu proses yang berterusan (*ongoing*) dan rundingan dengan pihak-pihak yang berkenaan masih dijalankan. Memandangkan rundingan sedang giat dijalankan dan belum dimuktamadkan, butiran terperinci mengenai mesyuarat yang telah diadakan belum boleh didedahkan kepada umum. Semua urusan mesyuarat ini adalah berstatus Rahsia.

Kedua-dua proses penurunan kuasa dan *devolution of authority* yang sedang dilaksanakan ini membuktikan keseriusan dan komitmen Kerajaan Persekutuan dalam mencari langkah penyelesaian yang terbaik bagi isu yang telah dibangkitkan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU - PAS]**

TARIKH : 8 NOVEMBER 2017 (RABU)

SOALAN NO.45

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh manakah pencapaian skuad Malaysia di Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 dari segi kualiti dan pemecahan rekod peringkat Asia dan dunia.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada edisi Kuala Lumpur 2017 ini Kontinjen Negara telah muncul sebagai Juara Keseluruhan Temasya Sukan SEA kali ke 29 menewaskan pencabar terdekat iaitu Negara Thailand dengan jurang pingat sebanyak 73 pingat emas. Negara Vietnam juga ketinggalan agak jauh di belakang Kontinjen Negara apabila hanya memunggut 58 pingat emas.
2. Kontinjen Negara telah memenangi **145** pingat emas (35.7%), **92** pingat perak (22.8%) dan **86** pingat gangsa (16.3%) sekaligus melepasi sasaran awal yang ditetapkan iaitu 111 pingat emas. Ini juga merupakan pencapaian terbaik Kontinjen Negara sepanjang penyertaan di Temasya Sukan SEA sejak tahun 2001 lagi. Pencapaian ini juga telah mengatasi atlet dari negara ASEAN yang lain dalam hampir keseluruhan acara sukan yang disasarkan.
3. Walaupun tiada rekod Asia dan dunia yang dipecahkan semasa Temasya Sukan SEA kali ke 29, atlet Negara telah mempamerkan aksi yang amat memberangsangkan dengan memecahkan **18 rekod Sukan SEA**. Antara rekod kejohanan yang berjaya dicatat adalah daripada **Welson Sim Wee Sheng** dan **Phee Jinq En** (Sukan Renang), **Muhammad Hakimi Ismail** (Olahraga), **Jackie Wong Siew Cheer** dan **Grace Wong Xiu Mei** (Baling Tukul Besi). Manakala sebanyak **9 rekod kebangsaan** telah berjaya dicatatkan sepanjang

105

SULIT

Sukan SEA Kuala Lumpur kali ini melibatkan atlet dari sukan olahraga dan renang.

4. Terdapat juga prestasi pencapaian atlet di Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 yang mengatasi pencapaian atlet luar negara yang berada di kedudukan ranking lima teratas pada Sukan Komanwel dan Sukan Asia tahun 2014, sekaligus telah membuka peluang atlet tersebut untuk layak bertanding ke temasya tersebut secara merit.
5. Pada Temasya Sukan Para ASEAN Ke-29 pula, atlet negara telah berjaya mencatatkan **dua (2)** rekod Asia dalam sukan olahraga melalui **Mohd Ziyad Zulkifli** (Lontar Peluru F20) dan **Abd Latif Romly** (Lompat Jauh T20).

Sekian, terima kasih.

SOALAN (46)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 8 NOVEMBER 2017
[RABU]

DARIPADA : YB DATO' MANSOR BIN OTHMAN
[NIBONG TEBAL]

SOALAN :

YB DATO' MANSOR BIN OTHMAN [NIBONG TEBAL] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kewajaran dan rasional keputusan Kerajaan untuk membantu memperkukuhkan ekonomi Kerajaan Amerika Syarikat yang Keluaran Dalam Negeri Kasarnya (KDNK) dilaporkan kira-kira 60 kali ganda lebih besar dari Malaysia.

107

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai sebuah negara yang mengamalkan dasar kemakmuran bersama, Malaysia sentiasa memastikan hubungan dengan setiap negara mendapat perkongsian manfaat. Oleh itu, kerajaan terus berusaha untuk mengukuhkan hubungan dagang dan pelaburan strategik dengan mana-mana negara. Dalam tempoh 10 bulan yang lepas, delegasi Malaysia telah melawati beberapa negara seperti India, China dan Arab Saudi. Oleh itu, lawatan ke Amerika Syarikat (AS) hanya merupakan salah satu inisiatif strategik bagi mengukuhkan hubungan dua hala di peringkat antarabangsa.

Hubungan baik Malaysia dan AS terutamanya dalam kerjasama ekonomi dua hala telah pun terjalin sejak 60 tahun yang lalu. Pada tahun 2016, keluaran dalam negeri kasar (KDNK) AS merupakan 62.8 kali ganda lebih besar daripada KDNK Malaysia. Walau bagaimanapun, Malaysia kini berkemampuan menawarkan peluang ekonomi kepada AS setanding dengan rakan dagang strategiknya yang lain.

Memandangkan prestasi ekonomi AS terus mengukuh, ini merupakan masa terbaik bagi negara untuk merebut peluang sepenuhnya ke atas momentum pertumbuhan ekonomi yang terbesar di dunia. Ekonomi AS diunjur mengembang sebanyak 2.2 peratus dan dijangka terus meningkat sebanyak 2.3 peratus pada tahun 2018. Ini adalah sejajar dengan dasar AS yang merancang pembangunan infrastruktur secara besar-besaran. Unjuran ekonomi yang memberangsangkan itu turut akan memberi impak positif ke atas ekonomi global, termasuklah Malaysia memandangkan Malaysia mempunyai lebih dagangan dengan AS.

Dasar *inward-looking* yang kini diamalkan oleh pentadbiran AS boleh dilihat akan merugikan Malaysia, terutamanya dari segi eksport dan aliran masuk pelaburan langsung asing (*Foreign Direct Investment – FDI*) dari AS. Pendekatan AS yang menfokuskan ke arah penggantian import (*imports substitution*) serta galakan perlindungan perdagangan (*trade protectionism*) juga akan memberikan kesan langsung negatif kepada Malaysia.

Hasrat Kerajaan untuk menyumbang kepada pengukuhan ekonomi AS melalui pelaburan Malaysia ke AS bukan sahaja akan memberikan

109

kesan positif ke atas ekonomi AS malah ia juga dijangka akan memberikan limpahan kepada ekonomi Malaysia dengan pulangan pelaburan yang lebih tinggi melalui aliran masuk akaun pendapatan dalam imbangan pembayaran negara. Keuntungan pelaburan ini secara langsung akan menambah rizab asing dalam negara dan seterusnya membantu kepada pengukuhan nilai ringgit. Tambahan pula, keyakinan yang ditunjukkan oleh AS akan menyumbang kepada sentimen positif global ke atas kemampuan dan keupayaan Malaysia. Ini akan meningkatkan daya saing negara dari segi penarikan FDI serta kebolehpasaran industri, produk dan eksport perkhidmatan Malaysia di arena antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

8 November 2017

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN ZURAIDA BINTI
KAMARUDDIN [AMPANG]**

TARIKH : 8 NOVEMBER 2017 (RABU)

SOALAN : 47

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sejauh mana Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah membantu dalam menaik taraf infrastruktur pengangkutan kampung-kampung orang asli di seluruh negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Luar Bandar (KKLW) melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah membantu menaik taraf infrastruktur pengangkutan kampung-kampung orang asli di seluruh negara. Dari jumlah **853** Kampung Orang Asli di semenanjung, kemudahan jalan perhubungan telah disiapkan untuk **729** kampung. Manakala bagi **124** kampung lagi dijangka akan dilengkapi kemudahan jalan perhubungan sebelum akhir tahun 2023 tertakhluk kepada peruntukan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG [KLUANG]

TARIKH : 8 NOVEMBER 2017 (RABU)

SOALAN : 48

Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan :-

- a) garis masa pelaksanaan Permit Masuk Kenderaan (VEP) dan Caj Jalan Raya (RC) bagi kenderaan asing yang memasuki sempadan Malaysia dari Thailand, Brunei, dan Indonesia dan apakah implikasi-implikasi terhadap ekonomi yang dijangka ; dan
- b) strategi perundingan terhadap isu Caj Jalan Raya Timbal Balas (RRC) Singapura.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman, pelaksanaan Sistem RC dan VEP di sempadan Malaysia-Singapura telah pun dilaksanakan. Manakala untuk sempadan Malaysia-Thailand dijangka akan dilaksanakan pada pertengahan tahun 2018. Selain itu, di sempadan-sempadan lain akan dilaksanakan secara berperingkat selepas urusan-urusan mengenai kawalan sempadan negara-negara berkaitan dimuktamadkan. Sistem VEP merupakan inisiatif terbaik untuk dilaksanakan bagi mendaftar maklumat kenderaan dan merekodkan pergerakan keluar masuk kenderaan asing. Antara kelebihan pelaksanaan sistem ini adalah ianya akan membantu dalam mengurangkan kadar kecurian kenderaan dan sindiket kenderaan klon yang telah mengakibatkan ketirisan hasil kepada kerajaan dan kerugian kepada pihak insuran.

Sehingga kini, pihak kementerian belum melaksanakan sebarang kajian impak berkenaan pelaksanaan RC VEP kepada ekonomi negara. Namun begitu, setakat ini Kementerian tidak menerima sebarang bantahan daripada orang ramai atau pun pengusaha-pengusaha kecil mengenai kesan-kesan negatif daripada pelaksanaan inisiatif ini.

Berkenaan dengan RRC yang dikenakan oleh Kerajaan Singapura sebagai timbal balas kepada tindakan Malaysia memperkenalkan RC, Kerajaan Malaysia berpendirian bahawa perkara ini adalah di bawah bidang kuasa negara berkenaan. Namun perlu diperjelaskan bahawa pelaksanaan RC ini bukanlah satu diskriminasi terhadap negara

Singapura kerana kadar RM 20 yang dikenakan untuk kenderaan pendaftaran asing yang masuk dari negara tersebut ke Malaysia akan dikenakan kadar yang sama juga di sempadan-sempadan yang lain pada masa akan datang. Republik Singapura memaklumkan RRC ini akan dimansuhkan selepas Kerajaan Malaysia melaksanakan Kutipan RC di sempadan-sempadan negara yang lain.